KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# PdPR BERKUALITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR)




## DEFINISI OPERASI

- PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian
- PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan / atau luar talian secara berstruktur dan terancang
- Dilaksanakan apabila murid-murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana atau wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan Pendaftar Negeri

**A** PRINSIP ASAS

**B** PENDEKATAN

**C** KAEDAH

**D** PELAKSANAAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# A. PRINSIP ASAS PdPR



## TIADA MURID TERCICIR

- ✓ Pentadbir menyebarkan maklumat tentang PdPR kepada murid dan ibu bapa/penjaga.
- ✓ Guru memastikan pendekatan dan kaedah PdPR yang sesuai.
- ✓ Guru memastikan pelibatan murid dalam PdPR secara optimum.

## ASAS PEMBELAJARAN DIPENUHI

- ✓ Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran disampaikan melalui pelbagai kaedah yang sesuai dengan aras keupayaan murid.
- ✓ Pentaksiran yang adil, dan menyeluruh dilaksanakan dengan berintegriti.

## KESEJAHTERAAN SOSIOEMOSI MURID DIUTAMAKAN

- ✓ Guru mengambil kira aspek sosioemosi murid dalam merancang PdPR supaya murid berasa seronok dan selesa.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# B. PENDEKATAN PdPR

## PdPR

### Dalam talian

- Murid belajar dalam masa sebenar (*real time*) PdPR yang dijadualkan.
- Menggunakan pelbagai medium seperti Google Meet, MS Teams dan aplikasi media social.
- Menggunakan modul dan modul PdP melalui medium seperti DELIMa, Cikgootube, EduWebTV, E-permainan, video, klip audio, e-Buku, dan rakaman/tugasan

### Luar talian

- Murid belajar bukan dalam masa sebenar (*real time*) PdPR yang dijadualkan.
- Menggunakan modul PdP yang disediakan dalam pelbagai bentuk/medium seperti dalam bentuk/medium video, audio, slaid, nota dan Latihan.
- Modul dan bahan PdP secara bercetak atau boleh dimuat turun daripada pelbagai sumber.

### *Off-site*

- Pembelajaran boleh berlaku secara kendiri atau dengan bimbingan *Academic Support Team* (AST)
- Dilaksanakan di lokasi yang bersesuaian dengan persetujuan pihak sekolah dan ibu bapa/penjaga serta komuniti

### Gabungan

- PdPR dilaksanakan dengan menggunakan **gabungan** pendekatan PdPR mengikut kesesuaian

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# C. KAEDAH PdPR




## Berasaskan Modul Pembelajaran

Modul yang terancang secara berstruktur yang mengandungi:

- Sasaran murid
- Tajuk
- Objektif pembelajaran
- Aktiviti untuk capai objektif
- Tempoh pelaksanaan aktiviti
- Penerangan berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti
- Nota/bahan rujukan
- Pentaksiran

## Berasaskan projek

Projek dilaksanakan dengan menggabungkan beberapa mata pelajaran yang mengambil kira prinsip berikut:

- Tajuk projek
- Panduan dan bimbingan oleh guru kepada murid.
- Menentukan jangka masa projek.
- Pembentangan hasil projek
- Refleksi hasil projek

## Kaedah-Kaedah Lain yang sesuai

Pemilihan kaedah PdPR mengambil kira keperluan kurikulum standard dan pembelajaran murid, seperti kaedah yang berasaskan pembelajaran:

- Inkuiri penemuan
- Masteri
- Kontekstual
- Penyelesaian masalah
- Flipped Classroom

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JEMAAH NAZIR

# D. PELAKSANAAN PdPR

### Peranan Pentadbir / PGB

PGB sebagai peneraju, pendorong dan pembimbing yang berkesan bagi memastikan PdPR dapat dilaksanakan dengan lancar.

### Peranan Guru

Guru sebagai pemudahcara bagi memastikan pelibatan aktif murid dalam PdPR.

### Terancang

Dirancang mengikut DSKP, keupayaan murid, kesediaan sumber dan kesesuaian jadual waktu.




### Pentaksiran Bilik Darjah

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara berterusan dan adil.

### Ibu Bapa/ Pembimbing Di Rumah

Peranan ibu bapa memastikan kehadiran dan pelibatan murid dalam PdPR.

### Peranan Komuniti

Peranan komuniti menyokong dan melancarkan pelaksanaan PdPR.